



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

OPS HAZARD 3.0 - 104 PREMIS DIPERIKSA, SITAAN 4714 MT E-WASTE BERNILAI RM 23.79 JUTA DISITA JABATAN ALAM SEKITAR

PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan Operasi Ops Hazard 3.0 bersepadu 6 hingga 8 April 2026 dalam usaha berterusan membanteras jenayah haram ke atas premis pemprosesan e-waste. Operasi yang dilaksanakan di seluruh Malaysia ini digerakkan dengan kekuatan seramai **203 pegawai JAS**.

Operasi yang dijalankan secara serentak di seluruh negara ini melibatkan pemeriksaan ke atas **104** premis, dan berjaya menyita sebanyak lebih kurang **4,714.00** metrik tan (MT) e-waste dengan anggaran nilai **RM 23.79 juta**. Pemeriksaan mendapati terdapat:

- 57 premis yang bukan ditetapkan;
- 35 premis barang lusuh
- 11 premis berlesen di bawah JAS; dan
- 1 gudang

Sebanyak **33** premis telah dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), melibatkan mesin-mesin pengeluaran yang digunakan tanpa sebarang alat kawalan pencemaran. Selain itu, **140** Notis Arahan di bawah seksyen 31 dan 37 di bawah Akta 127 ke atas **77** premis dan **101** kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ke atas **25** premis. Kertas siasatan akan dibuka ke atas **59** premis melibat **137** pertuduhan tindakan ke atas pelbagai kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah Akta 127 yang antara lainnya seperti berikut:

- i) Seksyen 16 – Gagal mematuhi syarat lesen;
- ii) Seksyen 18 – Menjadi kemudahan penstoran buangan terjadual tanpa lesen;
- iii) Seksyen 19 – Gagal mendapatkan kebenaran bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar;
- iv) Seksyen 34A – Gagal mengemukakan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA);
dan

- v) Seksyen 34B – Menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

JAS menegaskan bahawa sebarang aktiviti pengurusan buangan terjadual, termasuk e-waste, yang dijalankan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS) merupakan satu kesalahan serius di sisi undang-undang. Berdasarkan **pindaan terkini Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2024, pesalah yang disabitkan boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM10 juta dan hukuman penjara tidak melebihi lima (5) tahun**. Aktiviti penstoran dan pemprosesan e-waste tanpa kebenaran bukan sahaja melanggar peruntukan undang-undang, malah berpotensi menyebabkan pelepasan bahan pencemar berbahaya ke udara, air dan tanah. Keadaan ini boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan manusia serta menjejaskan kelestarian ekosistem.

JAS merakamkan penghargaan atas kerjasama yang diberikan khususnya kepada Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), serta Wildlife Crime Bureau (WCB) di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta lain-lain agensi yang turut terlibat dalam menjayakan operasi ini.

JABATAN ALAM SEKITAR
10 APRIL 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763